



Pematuhan Perintah Persetujuan Sulh Di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor

***Fiqh al-Ahwal al-
Syakhsiyyah***

Sulh Settlement Agreement Compliance at The Selangor Syariah High Court

55

MUHAMMAD SYAZWAN ZULKIPLI

(Corresponding Author)

MOHD NASRAN MOHAMAD

Pusat Kajian Syariah

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

43600 Bangi, Selangor, Malaysia

P131028@siswa.ukm.edu.my

nasran@ukm.edu.my

Submitted date: 24 June 2025

Revised date: 21 August 2025

Acceptance date: 10 September 2025

Available online: 20 September 2025

ABSTRAK

Pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah merupakan suatu langkah yang diambil oleh Mahkamah Syariah bagi menyelesaikan kes-kes tanpa melalui dewan perbicaraan di samping pada masa yang sama dapat mengurangkan timbunan kes yang didaftarkan. Majlis Sulh adalah alternatif dalam menyelesaikan pertikaian yang berlaku antara pihak-pihak. Namun, kerap kali berlaku isu pelanggaran terhadap perintah penghakiman hasil perjanjian persetujuan sulh yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat semasa Majlis Sulh. Perkara ini menjadi cabaran utama bagi pihak mahkamah dalam menangani ketidakpatuhan terhadap perintah mahkamah. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis tahap pematuhan perintah persetujuan sulh di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dan mengenal pasti kesan yang bakal dihadapi sekiranya berlaku pelanggaran terhadap perintah mahkamah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama 5 orang informan yang berpengalaman di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dan analisis dokumen terhadap fail-fail kes pelanggaran perintah dalam tempoh 2020 sehingga 2024. Data dikumpul dan dianalisis mengikut kaedah tematik yang telah menghasilkan enam tema utama berkaitan pematuhan persetujuan sulh dari aspek definisi, perkara yang dititikberatkan, cabaran, implikasi pelanggaran, jenis pelanggaran serta cadangan penambahbaikan terhadap amalan pelaksanaan sulh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua jenis pelanggaran perintah mahkamah yang berkaitan dengan perjanjian penyelesaian sulh iaitu saman penghutang penghakiman dan pengkomitan. Faktor yang menyebabkan pelanggaran perintah berlaku ialah kurang cakna terhadap terma perjanjian, terma yang kurang jelas di dalam perjanjian dan kelemahan dalam penguatkuasaan perintah. Kajian ini mencadangkan penambahbaikan terhadap sistem penguatkuasaan dan memberikan pemahaman yang mendalam terhadap pihak-pihak. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan bagi melihat kaedah yang sesuai





digunakan bagi memastikan pihak-pihak melaksanakan segala terma yang telah dipersetujui dalam Majlis Sulh.

Kata Kunci: Sulh, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Pelanggaran Perintah, Saman Penghutang Penghakiman, Pengkomitan.

ABSTRACT

The implementation of sulh in Syariah Courts is a measure taken by the Syariah Court to resolve cases without going through the courtroom while simultaneously reducing the backlog of registered cases. The Sulh Council serves as an alternative in resolving disputes that occur between parties. However, violations of court orders resulting from sulh settlement agreements that have been agreed upon by the parties involved during the Sulh Council frequently occur. This matter becomes a major challenge for the court in addressing the non-compliance with court orders. This matter becomes a major challenge for the court in dealing with non-compliance with court orders. This article aims to analyze the level of compliance with sulh settlement orders at the Selangor Syariah High Court and identify the consequences that may be faced if violations against court orders occur. This study employs qualitative design through semi-structured interviews with 5 experienced informants from the Selangor Syariah Judiciary Department (JAKESS) and document analysis of case files involving order violations from 2020 to 2024. Data were collected and analyzed using thematic methods which produced six main themes related to sulh agreement compliance from aspects of definition, matters emphasized, challenges, implications of violations, types of violations, and suggestions for improvement to sulh implementation practices. The research findings show that there are two types of court order violations related to sulh settlement agreements, namely judgment debtor summons and committal. Factors causing order violations include lack of attention of agreement terms, unclear terms in agreements, and weaknesses in order enforcement. This study recommends improvements to the enforcement system and providing in-depth understanding of the parties. Therefore, further research is needed to examine appropriate methods to ensure parties implement all terms agreed upon in the Sulh Council.

Keywords: Sulh, Selangor Syariah High Court, Order violations, Judgement Debtor Summons, Committal.

PENDAHULUAN

Sulh dari segi bahasa ialah kata nama terbitan yang membawa maksud penyelesaian, perdamaian dan persetujuan antara dua pihak yang bersengketa tanpa melalui paksaan dan kekerasan. Manakala dari sudut istilah membawa maksud kontrak atau perjanjian yang dibuat untuk menyelesaikan perselisihan yang memerlukan sifat bertimbang rasa daripada kedua-dua pihak (al-Kāsānī, 1997). Sulh dari juga membawa maksud memutuskan perbalahan dan menghentikan perselisihan (al-Bājūrī, 2015). Secara umumnya sulh merupakan perkara yang mendatangkan kebaikan dalam agama Islam sebagai langkah mengembalikan keharmonian dalam masyarakat (al-'Asqalānī, t.th).



Sulh berkaitan kekeluargaan disebut di dalam al-Quran pada ayat 35 surah al-Nisa' yang menggariskan tentang pelantikan pihak pendamai. Peranan yang perlu dijalankan oleh pendamai adalah melibatkan perkara yang besar kerana mereka mewakili pihak masing-masing dalam menyelesaikan masalah rumah tangga yang berlaku bagi memulihkan semula hubungan suami isteri kepada keadaan yang harmoni (al-Jalālayn, 2000).

Menurut Sayyid Qutb (2000) pada ayat 128 surah al-Nisa' turut menggariskan berkaitan sulh antara suami isteri iaitu bahawa sekiranya seorang isteri mula bimbang akan keadaan rumah tangganya yang boleh membawa kepada berlakunya perceraian maka tidak menjadi suatu kesalahan sekiranya beliau melepaskan sebahagian haknya seperti melepaskan sebahagian nafkah yang wajib diberikan oleh suaminya supaya perceraian dapat dielakkan.

Konsep sulh yang dilaksanakan dalam Islam merupakan penyelesaian konflik yang komprehensif iaitu bukan sekadar berperanan sebagai kaedah penyelesaian pertikaian, namun ia turut dapat memulihkan hubungan dan mengembalikan keharmonian dalam masyarakat. Perkara ini dapat dilihat dalam konteks kekeluargaan iaitu sulh berfungsi sebagai langkah pencegahan perceraian demi memelihara institusi perkahwinan.

Penubuhan institusi Mahkamah Syariah di Malaysia yang berfungsi sebagai sebuah badan kehakiman dalam melaksanakan hal ehwal perundangan yang merangkumi aspek-aspek kekeluargaan melibatkan golongan yang beragama Islam. Mahkamah Syariah di Malaysia terbahagi kepada tiga iaitu Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Rayuan. Saban tahun Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengorak langkah dalam meningkatkan kredibiliti Institusi Mahkamah Syariah melalui pelbagai perubahan dan pembaharuan selaras dengan arus dunia yang semakin canggih pada masa kini.

Antara pembaharuan yang dilakukan selain daripada penambahan bilangan hakim bagi meningkatkan kekerapan dewan perbicaraan ialah pelaksanaan kaedah sulh. Sulh adalah salah satu alternatif yang digunakan bagi merapatkan kembali persengketaan yang berlaku (Ahmad Shah Affandie *et al.*, 2023). Menurut Hendun *et al.*, (2022) pelaksanaan sulh yang dijalankan adalah merupakan pengantaraan antara pihak-pihak yang bertikai berkaitan konflik yang timbul. Negeri Selangor merupakan negeri pertama yang mengguna pakai kaedah sulh secara menyeluruh. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah memperkenalkan kaedah sulh pada 1 Mei 2002. Tujuan pelaksanaan sulh dijalankan bertujuan mengurangkan lambakan kes-kes yang tertanggung dengan mengadakan rundingan antara kedua-dua pihak yang terlibat supaya kes-kes dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat (Raihanah Azahari, 2004). Sulh dijalankan diantara dua pihak yang akan dikendalikan oleh Pegawai Sulh yang bertindak sebagai mediator (Nur Zulfah *et al.*, 2023). Menurut Hadenan Towpek *et al.*, (2023) kerjasama antara kedua pihak merupakan elemen penting yang menyumbang kepada kelancaran perjalanan sulh. Penyelesaian kes-kes melalui sulh perlu diteruskan bagi melahirkan masyarakat yang amanah,



bertanggungjawab, bertoleransi dan mewujudkan suasana yang harmoni (Adzidah Yaakob *et al.*, 2016). Pelaksanaan sulh dapat menjimatkan masa dan belanja guaman kerana sesi sulh dijalankan tanpa melibatkan peguam kedua-dua pihak serta tidak perlu dibicarakan di hadapan hakim serta dapat membuka ruang dan perbincangan kepada pihak-pihak semasa Majlis Sulh dijalankan. Pengamalan sulh bertujuan dapat meningkatkan kecekapan sistem kehakiman syariah dalam menangani tunggakan-tunggakan kes.

Pegawai Sulh melalui budi bicara boleh membenarkan dan mengizinkan kehadiran kanak-kanak di dalam Majlis Sulh dalam keadaan yang sesuai seperti perkara yang melibatkan pertikaian hadanah (Mukhlis *et al* 2024). Dalam melaksanakan Majlis Sulh, Pegawai Sulh memainkan peranan penting dalam memastikan kebajikan kanak-kanak terjaga selaras dengan tuntutan lima penjagaan maqasid syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal pemikiran, keturunan dan harta supaya hak mereka dapat dipelihara (Nora Ab Hak *et. al* 2020). Menurut Suhaizad *et, al* (2024) Sebanyak 4 tuntutan berkaitan kebajikan anak-anak dikategorikan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang boleh dirujuk melalui Majlis Sulh iaitu tuntutan nafkah anak, tuntutan pindaan perintah hak penjagaan anak atau nafkah anak, tuntutan pindaan perjanjian hak penjagaan anak atau nafkah anak, dan tuntutan hadanah. Hak penjagaan anak membolehkan ibu bapa atau penjaga membuat keputusan dalam perkara-perkara penting seperti agama, pendidikan dan segala keputusan yang melibatkan kebajikan anak tersebut. Ibu atau bapa yang mendapat hak penjagaan ke atas anak bertanggungjawab dalam urusan harian anak oleh sebab anak tersebut tinggal bersama dengan beliau (Zanariah Noor, 2010). Kanak-kanak berhak mendapat perlindungan dari aspek fizikal dan mental.

Selain itu, kesan pelaksanaan sulh menyumbang kepada keberkesanan dalam meningkatkan statistik penyelesaian kes. Menurut Laporan Tahunan Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) pada tahun 2022 menunjukkan bahawa sebanyak 98% kes sulh yang didaftarkan berjaya diselesaikan dalam tempoh 90 hari. Manakala sebanyak 71% kes diselesaikan dengan berstatus berjaya iaitu bersamaan 1423 kes daripada 2003 kes sulh yang dijalankan pada tahun tersebut (Laporan JAKESS, 2022). Menurut Menteri Agama Malaysia iaitu Mohd Na'im Mokhtar (2024) hampir 90% kes berjaya diselesaikan pada tahun 2023 (Bernama, 2024). Statistik berikut menunjukkan bahawa pelaksanaan sulh memberi kesan yang positif dalam mengatasi masalah kelewatan penyelesaian kes. Penerapan kaedah perdamaian melalui Majlis Sulh membuktikan bahawa Mahkamah Syariah mampu menghasilkan sistem penyelesaian pertikaian yang memfokuskan aspek keadilan dan perdamaian antara kedua-dua pihak. Peratus keberjayaan tersebut sekali gus dapat meningkatkan kredibiliti Mahkamah Syariah pada pandangan masyarakat yang berfungsi menjalankan sistem kehakiman Islam. Penyelesaian kes-kes melalui sulh perlu diteruskan bagi melahirkan masyarakat yang amanah, bertanggungjawab, bertoleransi dan mewujudkan suasana yang harmoni.

Sulh merupakan satu pendekatan yang dipraktikkan bertujuan mencari perdamaian melalui penyelesaian bersama yang bersifat lestari dalam masyarakat. Namun



demikian, di sebalik keberjayaan pelaksanaan Majlis Sulh dalam menyelesaikan lambakan kes di mahkamah dan penyelesaian pertikaian yang berlaku di antara kedua pihak, terdapat masalah lanjutan yang berlaku setelah perjanjian penyelesaian telah selesai diendorse. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Puan Sri Kauthar binti Mohamad Banon (2024) Penolong Pendaftar 1 Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat (MRSHL) masih lagi terdapat pihak yang tidak menunaikan hak yang sepatutnya walaupun setelah berlakunya persetujuan bersama di dalam sulh. Perkara tersebut dapat dibuktikan melalui aduan yang diterima oleh pihak mahkamah berkaitan pengabaian dan pelanggaran terhadap hak-hak yang sepatutnya ditunaikan setelah berlakunya persetujuan bersama dalam Majlis Sulh. Oleh itu kesan pelanggaran perjanjian penyelesaian tersebut menyebabkan kes tersebut perlu diselesaikan melalui dewan perbincangan di mahkamah yang mengambil masa lebih lama untuk diselesaikan.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui sejauh manakah pematuhan terhadap perintah persetujuan yang berjaya dicapai melalui proses sulh oleh pihak-pihak yang terlibat di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan hasil kajian melalui penyelidikan kualitatif adalah berbeza dengan bentuk data yang diperolehi melalui kaedah kuantitatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual. Menurut Kamarul Azmi (2012) analisis dokumen merupakan satu pendekatan bagi mengkaji maklumat yang diperolehi berdasarkan mesej komunikasi yang lalu yang telah difailkan dan didokumentasikan. Antara bahan yang boleh dianalisis ialah seperti bahan penyiaran, bahan yang bercetak serta bahan visual seperti gambar dan infografik. Kaedah ini perlu dilakukan secara cermat dengan mengutip data yang bersesuaian dengan ruang lingkup kajian pengkaji.

Pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen melalui penelitian terhadap dokumen-dokumen di Mahkamah Tinggi Syariah yang mempunyai hubung kait dengan permasalahan kajian. Pengkaji meneliti dokumen pemfailan dan rekod melalui semakan secara fizikal bermula dari tahun 2020 sehingga 2025 yang berkaitan dengan pelanggaran kes perintah mahkamah yang telah diterima oleh mahkamah. Pengkaji juga turut mengasingkan fail-fail aduan pelanggaran perintah mahkamah yang berpunca daripada perjanjian penyelesaian yang telah dipersetujui melalui persetujuan di dalam Majlis Sulh. Sebelum melihat fail-fail tersebut, pengkaji perlu membuat permohonan untuk mengakses maklumat tersebut terlebih dahulu bagi mendapatkan kelulusan daripada pihak mahkamah sebelum dibenarkan untuk berjumpa dengan pihak yang menyelia dokumen-dokumen tersebut. Borang permohonan perlu diisi dan menjelaskan amaun bayaran yang dikehendaki semasa membuat permohonan.



Permohonan mengakses maklumat mengambil masa selama satu bulan untuk diproses. Setelah permohonan diluluskan, pengkaji perlu membuat janji temu dengan menghubungi Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor yang menyelia maklumat-maklumat tersebut berkaitan tarikh yang bersesuaian untuk pengkaji menyemak fail-fail tersebut. Pengkaji mengambil masa selama satu minggu untuk menyelesaikan semakan fail-fail tersebut. Antara kod klasifikasi berkaitan aduan pelanggaran perintah di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor ialah pengkomitan dan saman penghutang penghakiman.

Seterusnya, bagi memperolehi hasil kajian yang lain, pengkaji menggunakan kaedah temu bual. Temu bual yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur. Melalui temu bual separa berstruktur pengkaji perlu menyediakan senarai soalan formal sebelum sesi temu bual dijalankan dan tambahan daripada itu pengkaji juga mempunyai kebebasan untuk menyoal soalan-soalan susulan kepada informan berkaitan jawapan informan kepada soalan formal yang telah diberikan (Chua Yan Piaw, 2021). Oleh itu, semasa sesi temu bual dijalankan, pengkaji perlu memberi tumpuan terhadap jawapan yang diberikan oleh informan-informan supaya soalan-soalan susulan dapat diutarakan semasa sesi temu bual tersebut.

Bagi melaksanakan kaedah temu bual tersebut, pengkaji perlu menyediakan senarai soalan-soalan formal serta soalan-soalan tersebut perlu mendapat kesahan daripada pakar yang berkaitan dengan bidang kajian tersebut yang terdiri daripada para pensyarah. Setelah soalan-soalan tersebut mendapat kelulusan daripada pakar, maka pengkaji boleh memohon surat kebenaran temu bual daripada pihak fakulti pengajian universiti. Setelah itu, pengkaji perlu membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Syariah melalui hantaran e-mel pada setiausaha pejabat ketua pendaftar. Setelah mendapat kelulusan daripada pihak mahkamah, maka pengkaji boleh membuat janji temu bersama para informan mengikut waktu kesesuaian mereka. Pengkaji memerlukan masa selama 2 bulan bagi menyelesaikan kesemua sesi temu bual bersama informan-informan. Hal ini demikian kerana temu bual dijalankan secara berperingkat sebanyak 5 kali iaitu 5 orang informan pada 5 tarikh yang berasingan.

Akhir sekali, metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah merupakan cara pengumpulan maklumat bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Pengkaji perlu mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Setiap maklumat yang diperlukan memerlukan kebenaran daripada pihak mahkamah supaya dapat melindungi kerahsiaan maklumat yang terdapat di mahkamah serta mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan maklumat dan data. Segala maklumat yang diperolehi adalah digunakan bertujuan untuk menjalankan penyelidikan.



Jadual 1: Justifikasi Pemilihan Informan

Bil	Informan	Justifikasi	Tarikh Temu Bual
1	Tuan Fairus bin Jaafar Ketua Bahagian Penyelesaian Alternatif, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam	-Memiliki pandangan dan pemerhatian secara menyeluruh berkaitan pelaksanaan proses sulh di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dari aspek pengurusan pentadbiran selaku Ketua Bahagian	16 Oktober 2024 (Rabu) 2.00 petang
2	Puan Shanizah binti Ngatiman Pegawai Sulh, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam	- Memiliki pengalaman sebagai pelaksana dalam Majlis Sulh melalui pengendalian kes-kes sulh. -Mengemukakan perkara yang mempengaruhi pematuhan terhadap terma perjanjian pihak-pihak yang terlibat.	08 November 2024 (Jumaat) 3.00 petang
3	Puan Siti Aminah binti Kamal Pegawai Sulh, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.	- Mempunyai pengalaman yang luas mendepani tingkah laku pihak dalam proses sulh. -Memperoleh pandangan yang berbeza sebagai pegawai yang baru berkhidmat di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.	15 November 2024 (Jumaat) 9.00 pagi
4	Puan Maryam Jameelah binti Ali Sabri Pegawai Sulh, Mahkamah Rendah Syariah Ampang	- Sebagai bekas Pegawai Sulh di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dengan memberikan pandangan melalui pengalaman yang dilalui di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. -Mengemukakan beberapa kekurangan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan berkaitan amalan sulh di Mahkamah Tinggi Syariah.	02 Disember 2024 (Isnin) 10.00 pagi
5	Tuan 'Afif Sofiuddin bin Syeikh Abd Ghani Hakim, Mahkamah Rendah Syariah Ampang	- Beliau merupakan individu yang akan menyemak terma perjanjian penyelesaian sebelum disahkan menjadi sebuah Perintah Penghakiman iaitu Penghakiman Persetujuan. -Memberikan pandangan dari sudut perundangan, penghakiman, penguatkuasaan dan tindakan yang akan diambil apabila berlakunya aduan berkaitan pelanggaran perintah mahkamah termasuk pelanggaran perintah sulh.	02 Disember 2024 (Isnin) 4.00 petang

(Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, 2024)



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi Pematuhan Persetujuan Sulh

Maksud berkaitan pematuhan persetujuan sulh daripada informan-informan adalah tidak jauh berbeza oleh sebab mereka terlibat secara langsung semasa berlakunya proses menandatangani perjanjian penyelesaian sehingga perjanjian tersebut disahkan di hadapan hakim untuk diisytiharkan sebagai sebuah perintah mahkamah.

Istilah pematuhan dapat dinilai apabila perjanjian penyelesaian yang terhasil daripada Majlis Sulh dilaksanakan serta dijalankan oleh pihak-pihak. Perintah tersebut tidak boleh didefinisikan dengan hanya persetujuan di atas kertas sahaja namun perlu disertai dengan tindakan kedua pihak supaya tidak berlaku pengabaian (Shanizah Ngatiman, 2024). Sikap tidak menolak tuntutan terma-terma yang telah dipersetujui melalui pelaksanaan terma-terma persetujuan adalah merupakan perkara yang dituntut oleh mahkamah terhadap pihak-pihak yang terlibat.

Semasa melaksanakan perintah penghakiman persetujuan, pihak-pihak tidak boleh mengamalkan sikap selektif iaitu melaksanakan separuh terma namun pelaksanaan mestilah meliputi seluruh aspek kerana terma-terma tersebut tidak terhasil daripada paksaan namun ia merupakan hasil daripada proses rundingan antara kedua pihak. Setiap perkara yang tertera dalam perintah perlu dilakukan secara menyeluruh (Siti Aminah, 2024).

Pematuhan persetujuan sulh merupakan suatu perkara yang perlu dilihat berdasarkan jumlah kes pelanggaran perintah mahkamah yang difailkan. Penelitian perlu dibuat semasa melihat fail-fail aduan mahkamah bagi mengenal pasti jenis pelanggaran yang berpunca daripada perjanjian penyelesaian (Fairus Jaafar, 2024). Keberkesanan sistem sulh yang telah dilaksanakan perlu mengambil kira aspek kepatuhan berdasarkan kepada terma-terma perjanjian penyelesaian yang telah dipersetujui.

Keberkesanan terhadap pematuhan ini ialah dengan melihat kepada berapa banyak jumlah aduan yang diterima oleh mahkamah yang telah difailkan berdasarkan daripada perintah mahkamah yang datangnya melalui perintah persetujuan bersama daripada Majlis Sulh. Pihak-pihak yang terlibat di dalam Majlis Sulh mestilah melakukan segala perkara yang telah dipersetujui hasil daripada kesepakatan yang telah dilakukan di dalam Majlis Sulh seperti membayar jumlah yang telah ditetapkan dalam terma tersebut dan menjalankan hak penjagaan anak dengan sepatutnya.

Perintah persetujuan sulh adalah merupakan suatu penyelesaian yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak seperti mana perbincangan yang mereka jalankan semasa menghadiri Majlis Sulh sebelum satu perjanjian penyelesaian dikeluarkan oleh Pegawai Sulh. Persetujuan tersebut perlu disertakan dengan panduan teknikal supaya perjanjian yang dibuat adalah sah serta boleh dikuatkuasakan ('Afif Sofiuddin, 2024). Secara umumnya, apabila sesuatu perkara disebut sebagai sebuah perjanjian, maka perkara tersebut mestilah dilaksanakan oleh pihak-pihak yang telah memeterai



perjanjian. Kesannya secara tidak langsung perjanjian tersebut telah mengikat mereka sendiri.

Terma pematuhan membawa maksud melaksanakan semua terma yang telah dimeterai bersama melalui Majlis Sulh yang mana perkara ini tidak boleh berlakunya kesalahan semasa melaksanakan terma-terma tersebut. Namun sekiranya terdapat berlakunya kekurangan dalam melaksanakan perintah mahkamah maka perkara tersebut dianggap sebagai sebuah pelanggaran perintah yang boleh difailkan kes di mahkamah (Maryam Jameelah, 2024). Oleh itu, pematuhan terhadap suatu perintah mahkamah tidak hanya tertakluk kepada persetujuan di atas kertas sahaja, namun perlu dibuktikan melalui pelaksanaan setelah kedua-dua pihak keluar daripada mahkamah.

Oleh itu, pematuhan persetujuan sulh merupakan sebuah perkara yang bermula dari persetujuan yang telah berlaku semasa Majlis Sulh yang dibimbing oleh Pegawai Sulh, diikuti pengesahan (*endorsement*) oleh hakim untuk diisytiharkan sebagai sebuah perintah mahkamah dan berakhir dengan pelaksanaan segala terma di dalam perjanjian. Selain daripada melihat persetujuan terma semasa di dalam Majlis Sulh, kejayaan sulh perlu diukur berdasarkan kemampuan pihak-pihak bagi memenuhi tuntutan terma dalam jangka masa yang panjang. Kerjasama daripada institusi mahkamah sangat diperlukan supaya pelaksanaannya dapat dijalankan.

Elemen Dalam Mencapai Persetujuan Sulh

Antara perkara yang perlu dititikberatkan sebelum perjanjian penyelesaian ditandatangani ialah:

1. Kesiediaan pihak-pihak semasa menghadiri Majlis Sulh

Majlis Sulh merupakan suatu proses perbincangan yang dipengerusikan oleh Pegawai Sulh dan dihadiri oleh pihak-pihak yang terlibat iaitu bekas suami dan bekas isteri. Sebelum sesi sulh dimulakan, adalah signifikan kepada Pegawai Sulh untuk mengetahui tahap kesiediaan pihak-pihak yang terlibat dengan mengajukan beberapa soalan kepada mereka sebelum sesi Majlis Sulh dimulakan. Perkara ini amat penting kerana kehadiran mereka perlu mempunyai kerelaan masing-masing tanpa berlaku paksaan. Kehadiran mereka perlu didasari dengan tanggungjawab yang perlu dilakukan setelah berlakunya perceraian.

Antara prosedur yang perlu dilakukan oleh Pegawai Sulh iaitu memastikan kedua-dua pihak berada pada tahap kesiediaan yang baik dari aspek fizikal dan mental kerana kedua perkara ini boleh mempengaruhi terhadap perkara yang bakal dibincangkan di dalam Majlis Sulh sebelum berlakunya Perjanjian Penyelesaian (Maryam Jameelah, 2024). Perkara ini penting bagi memastikan perjanjian persetujuan yang dicapai boleh dilaksanakan. Namun demikian sekiranya terdapat unsur dominasi sebelah pihak yang berlaku semasa Majlis Sulh dijalankan, maka Pegawai Sulh berperanan untuk menunda



sesi tersebut ke satu tarikh baharu ataupun menyerahkan kes tersebut ke dewan perbicaraan.

Tahap kesiapsiagaan pihak-pihak dari segi psikologi khususnya perlu diambil kira kerana ia dapat membantu kejayaan di dalam Majlis Sulh yang dijalankan. Ketidakstabilan keadaan mental menyebabkan hasil yang diperoleh semasa Majlis Sulh kurang berkesan. Pendekatan perlu dimainkan oleh Pegawai Sulh bagi meningkatkan kualiti sulh yang sedang dijalankan dengan memastikan sesi sulh dijalankan dalam keadaan yang optimum bagi mencapai penyelesaian yang baik antara kedua-dua pihak.

2. Keselarasan Dengan Hukum Syarak

Perjanjian penyelesaian yang hendak ditandatangani perlu disemak supaya perjanjian tersebut tidak melanggar syariat dan Perundangan Islam. Prinsip Syariah ialah meliputi maqasid syariah yang mengandungi lima perkara yang memelihara agama, nyawa, akal fikiran, nasab keturunan dan penjagaan harta dengan meneliti kemaslahatan yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Pegawai Sulh perlu mempunyai pemahaman yang mendalam berkaitan kedua-dua aspek tersebut supaya tidak berlaku permasalahan semasa fasa pelaksanaan perintah mahkamah tersebut. Kedua perkara ini menjadi suatu keperluan bagi menghasilkan perjanjian yang adil bersesuaian dengan prinsip keadilan Islam (Fairus Jaafar, 2024).

Antara terma perjanjian yang menyalahi syariat ialah seperti anak tersebut mestilah dididik melalui ajaran tarekat yang diharamkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), menetapkan anak untuk mengikuti amalan bidaah dan khurafat, menolak panggilan mengerjakan ibadah haji dalam keadaan berkemampuan dari segi kesihatan dan kewangan, mengenakan faedah (*interest*) terhadap nafkah bulanan serta memaksa salah satu pihak untuk bersetuju dengan terma-terma, dan menetapkan bayaran denda sekiranya pembayaran nafkah lambat dilaksanakan. Terma-terma berikut tidak boleh dilaksanakan kerana telah melanggar hukum syarak dan maqasid syariah serta tidak boleh dimasukkan ke dalam perjanjian penyelesaian sulh.

Terma-terma yang telah dipersetujui perlu disemak oleh Pegawai Sulh dari aspek kesesuaian pelaksanaan yang tidak melanggar syariat dan sah pada sudut undang-undang Islam sebelum perjanjian tersebut ditandatangani. Perjanjian Penyelesaian tidak boleh ditandatangani dan disahkan (*endorse*) apabila terdapat salah satu terma yang tidak mematuhi syariat. Kriteria ini menunjukkan bahawa proses sulh di mahkamah syariah turut melibatkan nilai keagamaan yang terkandung di dalam ajaran agama Islam.

Proses sulh di Mahkamah Syariah bukan hanya merupakan alternatif dalam penyelesaian kes-kes bahkan ia turut berhubung kait mengikut keperluan perundangan yang selaras dengan pemerhatian dari aspek keagamaan iaitu



bertepatan dengan prinsip keadilan Islam bagi memperoleh penyelesaian yang adil dan berkualiti.

3. Persetujuan Daripada Kedua-Dua Pihak

Persetujuan yang sah perlu dicapai dalam keadaan kedua-dua pihak berpuas hati iaitu bebas daripada unsur tekanan dan keterpaksaan. Dua perkara tersebut berkait rapat dengan emosi dan mental pihak-pihak. Sikap yang ditunjukkan semasa Majlis Sulh dijalankan mempengaruhi penerimaan setiap terma tanpa timbulnya bantahan dan keraguan. Persetujuan yang dicapai melalui unsur paksaan bakal menghadapi masalah semasa fasa pelaksanaannya (Fairus Jaafar, 2024).

Asas yang membawa kepada termeterainya perjanjian penyelesaian adalah pihak-pihak yang terlibat telah berjaya mencapai kata sepakat yang membawa kepada kelancaran proses sulh yang dijalankan (Shanizah Ngatiman, 2024). Elemen ini berperanan penting supaya perkara-perkara yang dipersetujui dapat dijalankan dan dilaksanakan dengan sepatutnya seperti mana yang tertera pada perjanjian tersebut.

Penjelasan yang baik perlu diberikan oleh Pegawai Sulh kepada pihak-pihak bahawa tiada unsur paksaan di dalam sulh dan keputusan dikeluarkan adalah berdasarkan kerelaan sendiri. Perjanjian yang hendak ditandatangani adalah berpunca daripada persetujuan bersama kedua-dua pihak. Pemahaman yang baik membawa kepada komitmen yang lebih kukuh untuk melaksanakan segala terma yang ditetapkan. Sekiranya persetujuan tidak dapat dicapai, maka sulh dianggap gagal dan akan diserahkan ke dewan bicara.

Keberjayaan proses sulh memerlukan perkara yang perlu diambil kira tahap emosi pihak-pihak selain daripada aspek perundangan. Keperluan undang-undang dan kemanusiaan perlu diseimbangkan. Hal ini demikian kerana sikap mempengaruhi suasana semasa Majlis Sulh dijalankan dalam menghadirkan persetujuan terhadap terma-terma perjanjian penyelesaian yang disepakati untuk dilaksanakan.

4. Pelaksanaan Bersesuaian Mengikut Waktu

Terma-terma yang telah dipersetujui oleh kedua pihak mestilah boleh dilaksanakan bersesuaian dengan kaedah yang betul iaitu seperti ketetapan masa, waktu dan jumlah. Di dalam bab pembayaran, contoh terma yang boleh dilaksanakan iaitu dengan menetapkan jumlah bayaran yang perlu dijelaskan oleh defendan kepada plaintif melalui butiran perincian jumlah pada setiap bulan bagi mencukupkan jumlah bayaran keseluruhan.

Antara contoh terma yang tidak sesuai untuk dilaksanakan ialah seperti seorang bapa yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM2500 sebulan namun jumlah nafkah bulanan yang dipersetujui di dalam perjanjian terma sulh adalah sebanyak RM2500 sebulan. Maka terma tersebut tidak boleh dilaksanakan oleh sebab jumlah nafkah bulanan tersebut melebihi kemampuan bapa tersebut walaupun beliau telah



bersetuju untuk memberikan jumlah nafkah bulanan tersebut (Shanizah Ngatiman, 2024). Sekiranya terma tersebut dilaksanakan, maka ia akan memberikan kesan kepada pembayaran komitmen bulanan yang lain menyebabkan kemudaratan yang lebih besar bakal menimpa kepada bapa.

Pegawai Sulh perlu membuat semakan dengan sebaiknya supaya terma-terma tersebut sesuai dilaksanakan berdasarkan keadaan semasa pihak-pihak seperti meneliti semula jadual penggiliran berkaitan tempoh jagaan anak, jumlah pembayaran nafkah anak pada setiap bulan dan penama yang terlibat di dalam harta sepencarian. Semakan terhadap perkara ini perlu dilakukan semasa perjanjian penyelesaian hendak ditandatangani (Siti Aminah, 2024).

Aspek ini perlu dititikberatkan supaya pihak-pihak dapat memberikan komitmen ditambah dengan keyakinan melalui pelaksanaan terma tersebut yang bersesuaian untuk dilaksanakan sebelum perjanjian penyelesaian di bawa ke hadapan hakim untuk disahkan sebagai sebuah perintah mahkamah.

Perjanjian Penyelesaian yang sudah selesai ditandatangani akan dibawa ke hadapan hakim untuk disahkan. Pada waktu tersebut hakim perlu memainkan peranan untuk membuat semakan semula dengan membuat penilaian berkaitan kesesuaian pelaksanaan dan memastikan perjanjian tersebut terhindar daripada permasalahan semasa pelaksanaannya ('Afif Sofiuiddin, 2024). Namun sekiranya hakim mendapati terma perjanjian adalah kurang jelas, maka hakim mempunyai kuasa untuk bertanya semula kepada pihak-pihak yang terlibat untuk dibuat penilaian di hadapan hakim. Maka perkara ini adalah merupakan suatu nilai tambah sekiranya hakim tersebut pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Sulh.

Cabaran Terhadap Pematuhan Perjanjian Penyelesaian Sulh

Setelah perjanjian penyelesaian diisytiharkan sebagai sebuah perintah mahkamah, maka bermulalah peranan kedua-dua pihak bagi melaksanakan segala terma yang sudah tertera pada penghakiman persetujuan yang telah dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Sikap Kerjasama perlu diterapkan semasa melaksanakan segala tuntutan yang berkaitan dengan hak penjagaan anak, pembayaran tunggakan nafkah dan pembahagian harta sepencarian.

Pelanggaran perintah mahkamah berlaku adalah disebabkan sikap pihak-pihak itu sendiri walaupun secara teorinya mereka telah bersetuju semasa Majlis Sulh dijalankan. Pemahaman berasaskan teori tidak menjamin pelaksanaan secara berterusan dalam realiti kehidupan. Permasalahan ini hanya dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat kerana ketidakpatuhan menyebabkan berlakunya pengabaian hak terhadap salah satu pihak yang lain. Perkara yang berlaku ini adalah di luar bidang kuasa mahkamah oleh itu komitmen daripada pihak-pihak itu sendiri merupakan tunjang kepada pelaksanaan terma secara berterusan (Fairus Jaafar, 2024).



Bagi memastikan penghakiman persetujuan dipatuhi, sikap Kerjasama antara pihak-pihak adalah amat penting. Walaupun kesepakatan telah dicapai melalui Majlis Sulh, namun setelah dibawa ke luar mahkamah, kemungkinan untuk salah satu pihak melanggar perintah tersebut masih boleh berlaku. Segala terma akan menjadi tanggungjawab kepada mereka untuk dilaksanakan. Sikap amanah adalah merupakan antara cabaran terbesar kerana tiada pemantauan daripada pihak mahkamah apabila perintah penghakiman dibawa ke luar mahkamah. Segala pelaksanaan adalah sepenuhnya bergantung kepada kepekaan mereka sendiri.

Tiada komunikasi yang baik yang berlaku antara kedua-dua pihak boleh menyebabkan kepada berlakunya pelanggaran semasa melaksanakan terma perjanjian persetujuan sulh. Kesan terhadap komunikasi yang kurang baik membuka ruang kepada berlakunya tafsiran pemahaman yang berbeza terhadap persetujuan yang telah dicapai ('Afif Sofiuddin, 2024). Antara situasi yang memberi gambaran berkaitan kekurangan komunikasi yang baik di dalam perkara yang melibatkan anak ialah seperti salah satu pihak enggan menjawab panggilan telefon, menyekat panggilan telefon dan enggan membalas mesej berkaitan hak bermalam bersama terhadap anak-anak.

Walaupun sistem sulh berkesan sebagai sebuah alternatif penyelesaian pertikaian, namun sokongan dalam bimbingan berterusan perlu dilakukan demi memastikan pelaksanaan perintah mahkamah yang konsisten kerana komitmen dan kerjasama antara pihak-pihak terlibat menjadi penentu terhadap pelaksanaan sebuah perintah mahkamah.

Implikasi Terhadap Pelanggaran Perintah Penghakiman

Sekiranya perintah mahkamah telah dilanggar dan tidak dipatuhi, maka pelanggaran tersebut akan memberikan kesan terhadap individu tersebut dalam masa yang sama telah mengabaikan hak terhadap pihak yang lain. Tindakan boleh diambil berasaskan perundangan iaitu berpandukan kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (2003) (Maryam Jameelah, 2024). Membuktikan bahawa di dalam enakmen tersebut terdapat suatu bahagian peruntukan berkaitan perkara yang perlu diambil tindakan oleh pihak mahkamah apabila terdapat berlakunya pelanggaran perintah mahkamah. Mahkamah boleh mengambil tindakan tegas melalui kerjasama bersama dengan pihak berautoriti yang terlibat terhadap pihak yang melanggar perintah mahkamah.

Apabila pelanggaran perintah telah berlaku, maka pihak yang terkilan mestilah mengambil langkah iaitu dengan membuat laporan aduan pemfailan kes ke mahkamah disebabkan kegagalan pihak yang lain dalam melaksanakan terma-terma atau salah satu terma Perjanjian Penyelesaian yang telah dipersetujui bersama. Pemfailan kes yang dilakukan membuktikan bahawa pihak tersebut mempunyai kepekaan terhadap terma-terma yang telah disepakati supaya pihak yang menganiaya dapat diberikan pengajaran.



Kesedaran melalui aspek perundangan adalah signifikan supaya pihak-pihak mengetahui bahawa perjanjian penyelesaian di dalam Majlis Sulh bukanlah hanya sekadar pemahaman di atas sehelai kertas namun sekiranya berlaku pelanggaran maka ia boleh dikuatkuasakan melalui sistem kehakiman berlandaskan kepada enakmen undang-undang.

JENIS-JENIS PELANGGARAN PERINTAH PERSETUJUAN SULH

Antara jenis aduan berkaitan pelanggaran perintah persetujuan sulh di Mahkamah Tinggi Syariah ialah:

1. Saman Penghutang Penghakiman

Nurul Asilah binti Mohamad Asif lwn. Mohamad Asif bin Abdul Talib (Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, 2023, No. Kes Permohonan: 2303-H0310-424-0271)

Kes permohonan Antara Nurul Asilah Binti Mohamad Asif sebagai pemiutang penghakiman dan Mohamad Asif bin Abdul Talib sebagai penghutang penghakiman. Permohonan pada 31 Mac 2023 dibuat oleh pemohon adalah bertujuan untuk permintaan bagi mendapatkan saman penghutang penghakiman daripada mahkamah berdasarkan seksyen 176 dan 177 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2003. Pemiutang penghakiman adalah merupakan anak kepada penghutang penghakiman yang sedang menuntut pengajian sepenuh masa peringkat ijazah sarjana muda di *Taylor University*, Subang Jaya dan masih tidak mempunyai pendapatan sendiri.

Sesalinan perintah sulh dilampirkan bagi membuktikan bahawa beliau telah mendapat hak jagaan sepenuhnya oleh ibunya setelah perceraian antara penghutang penghakiman dengan ibunya. Perjanjian sulh tersebut telah berlaku di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam pada 9 Oktober 2017. Pada perkara ke 4 di dalam persetujuan sulh tersebut menekankan tentang kebajikan iaitu kemaslahatan anak-anak perlu dijadikan sebagai keutamaan dengan saling bekerjasama dan bertolak ansur. Namun demikian, perkara tersebut kurang ditekankan dan dititikberatkan oleh penghutang penghakiman oleh sebab pemiutang penghakiman mengabaikan kebajikan anak-anak seperti berlakunya tunggakan pembayaran yuran pengajian pemiutang penghakiman.

Maka, pemiutang penghakiman telah membuat aduan bahawa penghutang penghakiman tidak membayar yuran pengajian pemiutang penghakiman sebanyak RM 4084.00 dari bulan Oktober 2020 sehingga Julai 2021. Butiran jumlah bayaran yang tertunggak pada setiap bulan turut dimaklumkan oleh pemiutang penghakiman. Penghutang penghakiman hanya menjelaskan nafkah bulanan sementara iaitu RM 1450.00. Sesalinan perintah mahkamah telah dilampirkan oleh pemiutang penghakiman kepada mahkamah dan memberitahu bahawa penghutang penghakiman telah melanggar perintah mahkamah pada perkara yang ke 4 iaitu responden perlu menanggung segala yuran pengajian di peringkat diploma melalui pembayaran mengikut semester. Kesannya, jumlah tunggakan yuran pengajian



tersebut terpaksa ditanggung oleh ibunya terlebih dahulu dalam keadaan yang sama perlu menyara adik beliau yang masih belajar.

Tindakan penghutang penghakiman tersebut memberi bebanan kepada pemiutang penghakiman dan ibunya. Justeru itu pemiutang penghakiman mencadangkan untuk melakukan potongan daripada pendapatan bulanan penghutang penghakiman bagi memudahkan pembayaran tunggakan tersebut dijelaskan. Antara sebab lain perkara ini dibangkitkan oleh pemiutang penghakiman adalah kerana keadaan kewangan yang kukuh oleh penghutang penghakiman. Perkara ini dapat dibuktikan bahawa penghutang penghakiman menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif *Pos Aviation Sdn. Bhd.* Yang mempunyai pendapatan tidak kurang daripada RM 30,000.00 serta mempunyai tubuh badan yang sihat. Pendapatan tersebut jelas menunjukkan bahawa penghutang penghakiman tidak menghadapi masalah dan tidak menjadi suatu beban dalam menjelaskan keseluruhan tunggakan pembayaran nafkah tersebut.

Oleh itu, pada 29 Mei 2023 setelah mahkamah meneliti afidavit daripada pemohon maka mahkamah meluluskan permohonan pemohon untuk mendapatkan saman penghutang penghakiman terhadap responden. Namun demikian kes ditangguhkan pada 1 Ogos 2023 untuk sebutan semula oleh sebab ketidakhadiran pihak responden.

Berdasarkan kes tersebut terdapat beberapa perkara yang ingin ditekankan iaitu walaupun aspek kebajikan dan kemaslahatan anak-anak telah digariskan pada terma ke 4 dalam Perjanjian Penyelesaian Sulh namun penghutang penghakiman masih gagal menjelaskan sejumlah bayaran untuk tempoh hampir satu tahun. Perkara ini sangat signifikan oleh sebab penghutang penghakiman merupakan individu yang berpendapatan besar secara bulanan yang membuktikan bahawa beliau mampu bagi menjelaskan tunggakan yuran pengajian anak beliau. Oleh yang demikian, kegagalan dalam memenuhi pelaksanaan perintah mahkamah menyebabkan kebajikan anak diabaikan oleh sebab sikap tidak bertanggungjawab yang telah dilakukan oleh seorang bapa.

2. Pengkomitan

Muhammad Sazlan bin Sirajuddin lwn. Li Lean Chan (Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, 2023, No. Kes Permohonan: 2305-H0310-415-0420)

Pemohon iaitu Muhammad Sazlan Bin Sirajuddin telah memfailkan permohonan kepada mahkamah pada 2 Jun 2023. Permohonan dibuat adalah untuk memohon kebenaran daripada mahkamah untuk mengambil tindakan pengkomitan terhadap responden iaitu Li Lean Chan. Permohonan pengkomitan adalah berpandukan kepada Seksyen 151 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003. Pemohon di dalam kes ini adalah diwakili oleh peguam.

Tujuan permohonan ini dibuat adalah kerana pemohon telah menyatakan bahawa responden telah melanggar perintah mahkamah iaitu pada perkara 2 penghakiman persetujuan yang bertarikh 18 November 2021 dan perkara 3 perjanjian penyelesaian



yang merupakan hasil daripada persetujuan bersama kedua-dua pihak melalui sesi sulh yang bertarikh 11 November 2021 yang telah dipersetujui di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor.

Perkara yang telah dilanggar oleh responden adalah berkaitan hak lawatan, bermalam dan bersama anak-anak. Di dalam terma tersebut menyatakan bahawa defendan iaitu pemohon diberikan akses bersama dengan anak pada waktu dan tempat yang bersesuaian dan munasabah yang dipersetujui bersama dengan membuat pemakluman awal kepada plaintif iaitu responden.

Pemohon melalui affidavit keterangan telah menyenaraikan perkara – perkara yang membawa kepada pelanggaran perintah mahkamah yang dilakukan oleh responden serta disertakan bukti-bukti terhadap mahkamah untuk meneliti kes ini. Antara perkara yang dilakukan oleh responden di dalam menyekat anak tersebut untuk berjumpa dengan pemohon adalah dengan membuat sekatan panggilan telefon selama lebih tiga bulan bermula daripada September 2022 sehingga Disember 2022. Sekatan yang berlaku menyebabkan pemohon tidak dapat berkomunikasi dan menghantar mesej *whatsapp* untuk mendapatkan kebenaran terhadap lawatan anak.

Pemohon kemudiannya menghubungi adik responden iaitu Yan Hao (Hamim) untuk bertanya mengenai anak tersebut namun tiada maklum balas daripada Yan Hao. Pada 4 Mei 2023 pemohon telah menghantar e-mel kepada responden untuk menyampaikan hasrat bagi mendapatkan akses anak tersebut namun responden tidak membalas e-mel pemohon. Oleh sebab responden menyekat panggilan telefon dan tidak membalas e-mel, pemohon telah membuat laporan polis pada 18 November 2022 dan 4 Mei 2023 berkenaan pelanggaran responden terhadap perintah mahkamah yang telah dikeluarkan pada 18 November 2021.

Pemohon bersama peguam syarie telah menghantar notis tuntutan pada 9 Mei 2023 melalui serahan pada *whatsapp* kepada responden bagi mendapatkan akses terhadap hak lawatan dan bersama anak pada 20 Mei 2023. Namun demikian responden bertindak dengan tidak memberikan kerjasama kepada pemohon kerana responden kerap memberikan alasan yang remeh dan tidak munasabah. Alasan responden dianggap tidak munasabah kerana tarikh 20 Mei 2023 adalah merupakan hari Sabtu yang merupakan tiada sesi persekolahan dijalankan. Responden turut tidak memberikan tarikh cadangan kepada pemohon untuk melawat anak tersebut.

Di samping itu, pelanggaran yang dilakukan oleh responden ialah pada 23 Mei 2023 responden telah memaklumkan kepada peguam pemohon melalui hantaran *whatsapp* bahawa responden membenarkan pemohon untuk berjumpa dengan anak tersebut pada 23 Mei 2023 pada jam 5.00 petang di *Gem Banana Leaf*, Subang Jaya. Pemohon telah bersetuju dengan perkara ini dan telah hadir ke lokasi tersebut pada jam 4.45 petang. Namun demikian, setelah pemohon menunggu selama 45 minit responden telah gagal untuk membawa anak tersebut. Tindakan responden seolah-olah telah mempermainkan emosi pemohon dan ia merupakan sebuah helah supaya



pemohon tidak dapat berjumpa dengan anak tersebut. Laporan polis telah dibuat oleh pemohon pada 24 Mei 2023.

Tindakan yang dilakukan oleh responden membuktikan bahawa responden telah melanggar perintah mahkamah berkenaan akses pemohon terhadap anak tersebut serta menafikan hak pemohon untuk melawat anak tersebut. Perkara yang berlaku ini menyebabkan persetujuan bagi mendapatkan akses kebenaran dengan anak tersebut gagal dicapai disebabkan Kerjasama yang tidak diberikan oleh responden. Pelanggaran perintah mahkamah boleh diklasifikasikan sebagai salah satu penghinaan mahkamah berdasarkan kepada Arahan Amalan No.13 Tahun 2004.

Mahkamah telah meneliti terma 2 penghakiman persetujuan dan terma 3 perjanjian penyelesaian yang memperuntukkan bahawa pemohon mempunyai kebenaran untuk bersama anak tersebut. Namun demikian di dalam terma tersebut tidak dinyatakan secara terperinci berkaitan butiran seperti kaedah, masa, lokasi pengambilan anak tersebut dan tidak dinyatakan tentang penjadualan pemohon semasa bermalam dan bersama anak tersebut.

Perkara ini menyebabkan mahkamah sukar untuk menganggap bahawa responden telah melanggar terma tersebut kerana di dalam perintah tersebut tidak dinyatakan berkaitan masa dan waktu yang perlu dipatuhi oleh responden sebaliknya perintah ini hanya bersifat umum sahaja. Selain itu, pemohon juga gagal untuk membuktikan bahawa tarikh-tarikh pelanggaran yang dikemukakannya adalah tarikh yang munasabah untuk mendapat hak lawatan dan bersama anak tersebut.

Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa perintah tersebut perlu diubah dengan lebih terperinci untuk memudahkan pelaksanaannya bagi mengelakkan pelbagai tafsiran. Mahkamah percaya bahawa permohonan ubah perintah boleh dapat memudahkan pelaksanaan perkara ini pada masa akan datang. Mahkamah mempunyai kuasa dalam membuat ubah perintah berdasarkan Seksyen 76 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003.

Di samping itu, mahkamah juga berpendapat bahawa kes ini tidak sesuai untuk dijalankan prosiding pengkomitan kerana tiada bukti yang jelas menunjukkan responden telah menghalang pemohon daripada berjumpa dan bersama dengan anak. Pemohon juga tidak memenuhi elemen yang dikehendaki oleh peruntukan seksyen 151 (1)(a) (aa) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 iaitu berkaitan masa dan tempat pelaksanaan untuk melawat dan bersama anak tersebut. Elemen ini perlu dipenuhi sebelum membuat permohonan penguatkuasaan perintah pengkomitan. Setelah mahkamah meneliti permohonan pemohon dan affidavit sokongan pemohon maka dengan ini mahkamah memutuskan dan memerintahkan bahawa Permohonan Kebenaran Pengkomitan Pemohon ditolak.

Kes berikut memberikan pengajaran penting terutamanya kepada Pegawai Sulh dan pihak-pihak yang terlibat dalam Perjanjian Penyelesaian Sulh berkaitan perincian terma yang terperinci serta bersesuaian untuk dilaksanakan seperti perkara yang berkaitan



hak penjagaan bermalam bersama anak-anak. Sekiranya perincian tersebut tidak dilakukan maka dikhuatiri perkara tersebut akan mendatangkan masalah sekiranya salah satu pihak tidak melaksanakan terma tersebut serta mendatangkan kesukaran kepada pihak mahkamah untuk membuat penilaian semula. Penyediaan terma yang jelas dan terperinci daripada Majlis Sulh dapat mengelakkan masalah pada masa akan datang.

Cadangan Penambahbaikan Terhadap Amalan Pelaksanaan Sulh Di Mahkamah Tinggi Syariah Di Selangor

1. Melibatkan pihak ketiga di dalam terma

Penglibatan pihak ketiga dalam terma perjanjian penyelesaian sulh adalah merupakan suatu galakan dalam usaha memastikan perintah mahkamah dapat dilaksanakan seperti meletakkan pihak Polis Diraja Malaysia sebagai pihak ketiga dalam terma yang berkaitan dengan penjagaan anak dan meletakkan pihak bank dan pejabat tanah sebagai pihak ketiga yang mempunyai kuasa dan autoriti dalam terma yang berkaitan dengan pengurusan pembahagian harta sepencarian ('Afif Sofiuiddin, 2024).

Penglibatan mereka sedikit sebanyak dapat mengurangkan kebarangkalian berlakunya pelanggaran terma seperti tidak menyerahkan anak pada waktu yang sepatutnya dan tidak menyelesaikan pembahagian harta sepencarian sebagaimana yang telah dipersetujui. Fungsi memasukkan pihak ketiga di dalam terma perjanjian penyelesaian bagi membantu mahkamah dalam mengendalikan penguatkuasaan perintah sekiranya berlaku pelanggaran terhadap perjanjian yang telah ditandatangani selain dapat memberikan jaminan pelaksanaan yang lebih berkesan kerana pihak berkuasa mempunyai kepakaran yang khusus dalam menyelesaikan pelanggaran terma yang memerlukan kepada penglibatan mereka sebagai penguat kuasa.

Gabungan antara mahkamah dan pihak berautoriti menunjukkan bahawa sistem pelaksanaan amalan sulh di Selangor melalui pembaharuan dari semasa ke semasa bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat dapat melaksanakan perkara-perkara yang telah dipersetujui dengan sebaiknya. Malah perkara ini merupakan suatu peringatan kepada pihak-pihak akan perkara yang bakal menimpa mereka sekiranya mereka atau salah satu pihak melanggar perintah mahkamah.

2. Meletakkan peringatan berdasarkan kepada situasi tertentu

Pendekatan proaktif yang boleh diambil dalam memperkasakan lagi sistem sulh iaitu memberi peringatan kepada pihak-pihak berkaitan kesan dan akibat yang berlaku daripada pelanggaran perintah mahkamah. Pihak mahkamah perlu mengambil langkah yang berjaga-jaga dengan memberi pemahaman kepada mereka supaya mereka memahami kesan yang bakal mereka hadapi disebabkan pengabaian terhadap terma-terma yang telah mereka sepakat (Fairus Jaafar, 2024).



Perkara ini perlu diletakkan dan dimuatkan dalam terma perjanjian penyelesaian sulh misalnya berkaitan hak penjagaan anak sekiranya seorang ibu enggan menyerahkan anak kepada bekas suami pada waktu yang sudah ditetapkan khususnya yang melibatkan hak bermalam bersama, maka kesan yang bakal menimpa beliau ialah hak penjagaan yang dimiliki oleh beliau boleh dipindahkan secara sepenuhnya kepada bapa. Oleh yang demikian, perkara ini membuktikan bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk membuat penilaian semula terhadap hak penjagaan yang telah diberikan secara asalnya kepada ibu.

Peringatan tersebut bertujuan dapat memberikan peringatan yang jelas kepada mana-mana pihak berkaitan kehilangan hak mereka sekiranya mereka melanggar penghakiman persetujuan yang telah dikeluarkan oleh mahkamah. Apabila pihak-pihak mengetahui berkaitan konsekuensi yang berlaku iaitu kehilangan hak yang telah dipersetujui, maka mereka akan mematuhi dan melaksanakan segala terma yang telah ditetapkan. Perincian yang diletakkan di dalam perjanjian penyelesaian sulh membuktikan bahawa perjanjian yang dibuat tidak bersifat longgar (Siti Aminah, 2024).

Strategi ini dilakukan sebagai mekanisme bertujuan dapat mengurangkan kebarangkalian berlakunya pelanggaran perintah melalui kesedaran terhadap risiko yang bakal dihadapi. Mekanisme yang mempunyai unsur pencegahan berupaya memastikan keberkesanan pelaksanaan perintah persetujuan dalam jangka masa yang panjang.

3. Meningkatkan produktiviti Pegawai Sulh

Secara dasarnya, Pegawai-pegawai Sulh yang telah dilantik kebanyakannya mempunyai latar belakang yang khusus iaitu lepasan daripada lulusan ijazah syariah dan undang-undang yang memenuhi syarat asas di dalam pelantikan sebagai Pegawai Sulh. Namun demikian, bagi memperkasakan pengamalan sulh di Mahkamah Syariah, Unit Bahagian Penyelesaian Alternatif perlu mendaftarkan pegawai-pegawai sulh ke program serta kursus sebagai kemahiran tambahan terhadap Pegawai Sulh supaya mereka dapat mengendalikan Majlis Sulh dengan lebih berkesan.

Pelbagai program yang dijalankan sebagai usaha meningkatkan kecekapan Pegawai Sulh. Inisiatif berikut diambil supaya dapat meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan Majlis Sulh melalui modul latihan yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Persijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bertujuan proses sulh yang dijalankan mencapai standard global. Oleh itu, pelaksanaan sulh di Malaysia perlu sejajar dengan peringkat antarabangsa (Fairus Jaafar, 2024).

Antara badan persijilan yang mendapat pengiktirafan adalah seperti *Accord Group* dan *Malaysian International Mediation Centre*. Para peserta yang menyertai kursus tersebut perlu melengkapkan kursus selama 40 jam sebelum mereka layak diberikan sijil setelah berjaya menamatkan latihan. Kaedah latihan yang dijalankan di dalam kursus tersebut adalah peserta akan didedahkan terhadap teori berserta cara menghadapi



situasi di dalam sesi mediasi iaitu mereka akan bergilir-gilir untuk bertukar peranan sama ada menjadi pihak-pihak yang bertengkar ataupun sebagai Pegawai Sulh di dalam majlis Sulh (Shanizah Ngatiman, 2024).

Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas banyak digunakan di dalam kursus tersebut dan peserta akan diuji dengan pelbagai masalah berdasarkan situasi yang diberikan bertujuan meningkatkan kemantapan Pegawai Sulh dalam menyelesaikan pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat. Hasil daripada kursus selama 40 jam ini dapat melahirkan Pegawai Sulh yang serba boleh dalam mengaplikasikan teknik dan kaedah mediasi sebagai usaha meningkatkan kredibiliti sistem sulh dengan memastikan Pegawai Sulh mempunyai sijil daripada pelbagai badan pengiktirafan mediasi antarabangsa (Maryam Jameelah, 2024). Kursus dan program yang dijalankan bagi memastikan Pegawai Sulh mempunyai pengetahuan, kemahiran melalui penggunaan kaedah yang bersesuaian semasa mengendalikan pelbagai jenis kes dalam Majlis Sulh.

Penyertaan Pegawai-Pegawai sulh dalam pelbagai program yang diiktiraf antarabangsa dapat memberikan pendedahan kepada mereka berkaitan teknik dan kemahiran dalam pelaksanaan Majlis Sulh. Langkah ini merupakan tindakan yang berterusan dalam mengekalkan sulh sebagai sebuah alternatif penyelesaian kes-kes berkaitan kekeluargaan di Mahkamah Syariah khususnya di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

KESIMPULAN

Meskipun pelaksanaan sulh telah mengurangkan longgokan kes yang tertunggak di Mahkamah Syariah, namun keberjayaan ini hanya terhad sehingga peringkat persetujuan sahaja. Permasalahan mula timbul pada peringkat pelaksanaan terma-terma perjanjian. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Puan Sri Kauthar binti Mohamad Banon (2024) Penolong Pendaftar 1 Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat (MRSHL) bahawa mahkamah menerima aduan berkaitan pelanggaran perintah mahkamah yang berpunca daripada perjanjian penyelesaian sulh. Situasi ini memberikan gambaran bahawa proses sulh memerlukan suatu kaedah susulan yang lebih konkrit supaya dapat mengurangkan berlakunya pelanggaran perintah mahkamah. Tahap kesediaan pihak-pihak yang terlibat di dalam Majlis Sulh menjadi tunjang bagi memastikan perjanjian yang dipersetujui dapat dilaksanakan kerana tanpa perkara ini maka kesannya boleh menyebabkan berlakunya masalah pelaksanaan pada masa akan datang. Peranan Hakim di peringkat pengesahan (*endorsement*) Perjanjian Penyelesaian adalah merupakan bahagian yang penting sebelum perjanjian tersebut menjadi sebuah perintah mahkamah iaitu penghakiman persetujuan. Cadangan penambahbaikan terhadap amalan pelaksanaan sulh perlu diutarakan seperti melibatkan pihak yang berautoriti dalam terma perjanjian penyelesaian sulh agar pihak-pihak menyedari akan kesan yang bakal mereka hadapi sekiranya berlaku pelanggaran terhadap perintah mahkamah.



RUJUKAN

- Adzidah Yaakob, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd & Mustafa 'Afifi Ab Halim. 2016. *Pengenalan Dan Keberkesanan Sulh Di Mahkamah Syariah*. Penerbit USIM, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.
- Ahmad Hidayat Buang. 2003. "Faktor-faktor Penangguhan Kes-kes Mal di Mahkamah Syariah di Malaysia Berasaskan kepada Fail-fail Kes Mahkamah", Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Projek Keberkesanan Mahkamah Syariah, Kuala Lumpur, 21 Oktober 2003.
- Ahmad Mukhlis Mansor, Nora Abdul Hak & Roslina Che Soh @ Yusoff. 2024. Mama Papa Please Hear Me: The Participation of Children in Child Custody Mediation in the Syariah Courts of Malaysia. *Journal of Legal Studies*, Vol. 15, No. 2, 385-408.
- al-Arqaswi, Muhammad Naim & al-Arqaswi Muhammad Ridhuan. 2000. *Tafsir al-Jalalain bi Hamisy al-Quran karim lil Imamain al-Jalalain Jalaluddin al-Mahalli & Jalaluddin as-Suyuti*. Cetakan ketiga. Muasasah al-Risalah. Beirut, Lebanon. 2000.
- al-Asqalani, Ahmad ibn Ali ibn Hajar. *Fathul bari Penjelasan Kitab Sahih al Bukhari*. Pentahqiq Syaikh Abdul Aziz Abdullah bin Baz. Pustaka Azzam. Jakarta Selatan.
- al-Baijuri, Ibrahim ibni Muhammad Ahmad. 2015. *Hasyiah Imam al-Baijuri ala' Syarah ibn Qasim al-Ghazi ala' Matan Abi Syuja'*. Ditahqiq oleh Mar'ie Hassan Rushd, disemak oleh Dr Bassam al-Ahmad al-Sheikh. Dar Nur Sobah, Damsyik, Lebanon.
- Chua Yan Piaw 2021. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Edisi ke 4. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd. Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.
- Hadenan Bin Towpek, Ahmad Shah Affandie, Aemy Bin Aziz, Afifah Binti Azmi, Masitah Binti Omar & Mohd Zuhaili Bin Kamal Basir. 2023. Sulh Dalam Perundangan Islam: Analisis Literatur Utama. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, Vol. 8 Issues 56, 439 – 460.
- Hadenan Towpek, Ahmad Shah Affandie & Zaenuddin Hudi Prasojo. 2023. Amalan Pengurusan Sulh Di Jabatan Kehakiman Syariah. *Journal of Shariah Law Research*. Vol. 8 (1), 1- 32.
- Hendun Abd. Rahman Shah, Siti Maszuriyati Aziz, Norfadhilah Mohamad Ali, Norshuhaida Che Musa, Adzidah Yaakob, Mustafa 'Afifi Ab. Halim & Nur Umairah Mohd Jais. 2022. Sulh-Mediasi Dalam Talian Dalam Konflik Kekeluargaan di Mahkamah Syariah Malaysia: Prospek dan Cabaran Norma Baharu. *Ulum Islamiyyah, The Malaysian Journal of Islamic Sciences*. Vol. 34 No.3, 71-81.



- JAKESS. 2022. *Laporan Tahunan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)*. Bahagian Penyelesaian Alternatif. Hlm 12-13, Penerbit Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- al-Kasani, Abu Bakar Ibn Mas'ud. 1997. *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Jilid 7. Dar Kutub al-Ilmiyah. Beirut. Lubnan. 1997.
- Mohd Na'im Mokhtar. 2024. Hampir 90 peratus kes sulh berjaya diselesaikan pada 2023. Bernama. 23 Januari 2024. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hampir-90-peratus-kes-sulh-berjaya-diselesaikan-pada-2023-mohd-naim-455264> Dicapai pada 18 Jun 2025.
- Nora Abdul Hak, Ahmad Mukhlis Mansor & Roslina Che Soh @ Yusoff. 2020. Resolution of Child Custody Dispute: Legislative Foundation and Contemporary Application of Sulh in the Shariah Court of Malaysia. *Journal of Islam in Asia*, Vol. 17, No. 3, 150-169.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam & Noor Shamimi Afikah Mohammad Fadli. 2023. Sulh Norma Baharu: Aplikasi Dalam Kes Mal Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Journal of Muwafaqat*, Vol. 6 No. 2, 61-79
- Raihanah Azahari. 2004. "Pelaksanaan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor Darul Ehsan (JAKESS): Satu Sorotan Awal", *Jurnal Syariah*, Vol. 12 (2), 43-78.
- Sayyid Qutb, Ibrahim Husayn Shadhili. 2000. *Tafsir Fi Zilalil Qur'an Di Bawah Bayangan al-Qur'an*. Terjemahan Yusoff Zaky Haji Yacob. Cetakan Pertama. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Kota Bharu.
- Suhaizad Saifuddin, Nurul Fadhlina Che Daud & Nurul Akmar Mohamad Hilmi. 2024. Sulh as an Instrument of Alternative Dispute Resolution (ADR): Practice in Syariah Court of Negeri Sembilan. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Vol 34, No. 2, 49-60.
- Zanariah Noor. 2010. Aplikasi Prinsip Kebajikan Kanak-Kanak Dalam Kes Hadhanah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Vol. 2, 63-93.



Kes

Muhammad Sazlan bin Sirajuddin Lawan Li Lean Chan. 2023. No Kes Permohonan: 2305-H0310-415-0420. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Selangor.

Nurul Asilah binti Mohamad Asif Lawan Mohamad Asif bin Abdul Talib. 2023. No Kes Permohonan: 2303-H0310-424-0271. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Selangor.

Temu bual

Temu bual Bersama En Fairus bin Jaafar, Ketua Bahagian Penyelesaian Alternatif Mahkamah Tinggi Syariah pada Hari Rabu 16/10/2024 jam 2.30 petang di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam Selangor.

Temu bual Bersama Puan Maryam Jameelah binti Ali Sabri, Pegawai Sulh Mahkamah Rendah Syariah Ampang pada Hari Isnin 02/12/2024 jam 10.00 pagi di Mahkamah Rendah Syariah Ampang.

Temu bual Bersama Puan Shanizah binti Ngatiman, Pegawai Sulh Mahkamah Tinggi Syariah pada Hari Jumaat 08/11/2024 jam 3.30 petang di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

Temu bual Bersama Puan Siti Aminah binti Kamal, Pegawai Sulh Mahkamah Tinggi Syariah pada Hari Jumaat 15/11/2024 jam 9.00 pagi di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

Temu bual Bersama Puan Sri Kauthar binti Mohamad Banon, Penolong Pendaftar 1 Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, pada Hari Jumaat 05/01/2024 jam 10.00 pagi di Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat.

Temu bual Bersama Tuan 'Afif Sofiuddin bin Syeikh Abd Ghani, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Ampang pada Hari Isnin 02/12/2024 jam 4.00 petang di Mahkamah Rendah Syariah Ampang.